



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Hospital Persendirian 1971
DR.73/1971

RANG UNDANG² HOSPITAL PERSENDIRIAN

SUSUNAN FASAL²

Fasal

1. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Lesen.
4. Daftar.
5. Jenis² hospital berlesen.
6. Pembatalan dan penggantongan lesen.
7. Pemereksaan.
8. Rumah² yang sedia ada.
9. Kuasa mengechualikan sa-tengah² institusi.
10. Penalti.
11. Peratoran².
12. Perkechualian.
13. Pemansokhan.

JADUAL

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pendaftaran dan pemereksaan hospital, rumah rawatan dan rumah bersalin persendirian dan berkenaan dengan maksud² yang berkaitan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Hospital Persendirian, 1971 dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*, yang tidak lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“hospital berlesen” erti-nya sa-suatu hospital persendirian yang ada mempunyai lesen yang berkuatkuasa pada masa itu;

“hospital persendirian” erti-nya sa-suatu premis, lain daripada hospital atau institusi Kerajaan, di-mana dua orang pesakit atau lebeh di-pelihara pada satu ketika dan termasuk-lah sa-suatu rumah bersalin persendirian dan sa-suatu rumah rawatan persendirian;

“Ketua Pengarah” erti-nya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggungjawab atas kesihatan;

“penyakit berjangkit” erti-nya sa-suatu penyakit yang pada masa itu di-nyatakan dalam Jadual kapada Akta ini;

“pesakit” erti-nya sa-saorang yang pada masa itu di-pelihara di-sasuatu premis bagi maksud mendapat apa² rawatan perubatan yang di-bayar atau akan di-bayar, dan termasuk-lah sa-saorang yang mendapat rawatan perubatan dengan perchuma dan yang di-pelihara di-sasuatu premis bagi maksud itu yang di-sediakan oleh majikan-nya;

“rumah bersalin” erti-nya sa-suatu premis yang di-gunakan atau di-chadang untok di-gunakan bagi melayan perempuan² hamil atau perempuan² sa-lepas sahaja melahirkan anak dan termasuk-lah sa-suatu hospital yang di-gunakan sa-demikian atau di-chadang untok di-gunakan sa-demikian;

“rumah rawatan” erti-nya sa-suatu premis, lain daripada rumah bersalin, yang di-gunakan atau di-chadang untok di-gunakan bagi melayan dan bagi mengadakan rawatan kapada orang² yang mengidap atau sedang puleh dari sa-suatu penyakit, benchana atau keuzoran dan termasuk-lah sa-suatu hospital yang di-gunakan sa-demikian atau di-chadang untok di-gunakan sa-demikian.

Lesen.

3. (1) Tiada sa-suatu premis boleh di-gunakan sa-bagai hospital persendirian kechuali dengan kuasa dan mengikut sharat² sa-suatu lesen yang di-keluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan untok di-keluarkan sa-suatu lesen di-bawah Akta ini hendak-lah di-alamatkan kapada Ketua Pengarah mengikut borang yang di-tetapkan.

(3) Suatu lesen yang sa-patut-nya hendak-lah di-keluarkan oleh Ketua Pengarah bagi hospital persendirian apabila bayaran yang di-tetapkan di-bayar.

(4) Pada mengeluarkan lesen itu, Ketua Pengarah boleh mengenakan apa² sharat sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

Daftar.

4. (1) Ketua Pengarah hendak-lah mengarahkan supaya suatu daftar di-simpan dan di-senggara bagi semua hospital berlesen.

(2) Sa-suatu perakuan yang di-tandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan bahawa sa-suatu hospital persendirian telah di-daftarkan atau telah tidak di-daftarkan atau pun telah di-daftarkan tetapi lesen-nya telah di-batalkan atau di-gantong boleh di-terima sa-bagai keterangan dan perakuan itu ada-lah menjadi bukti yang chukup mengenai perkara² yang di-sebutkan dalam-nya melainkan jika di-buktikan sa-balek-nya.

5. Tiap² hospital berlesen hendak-lah dari salah satu jenis yang berikut, ia-itu—

Jenis²
hospital
berlesen.

- (a) hospital bersalin;
- (b) hospital perubatan;
- (c) hospital bedah;
- (d) hospital penyakit jiwa;
- (e) hospital pesakit sedang puleh;
- (f) hospital kanak²;
- (g) hospital yang di-beri lesen bagi mana² dua maksud atau lebih yang tersebut di-atas;
- (h) apa² jenis hospital berlesen yang lain yang di-ishtiharkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta* sa-bagai termasuk di-bawah sekshen ini.

6. (1) Jika sa-suatu hospital berlesen di-urus, di-senggara, di-jalankan atau di-gunakan dengan chara yang pada pendapat Ketua Pengarah mendatangkan mudharat kepada kepentingan awam atau yang berlawanan dengan peruntukan² Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, maka boleh-lah ia memerentahkan supaya lesen itu di-batalkan atau di-gantung tertaklok kepada apa² syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut di-kenakan :

Pembatalan
dan peng-
gantungan
lesen.

Dengan syarat bahawa sa-belum Ketua Pengarah membuat sa-suatu perintah di-bawah sekshen-kecil ini, ia hendak-lah memberitahu dengan bertulis kepada orang atau badan yang bertanggungjawab atas pengurusan hospital berlesen itu tentang chadangan-nya hendak berbuat demikian dan orang atau badan itu boleh menghantar surat rayuan kepada Ketua Pengarah dalam sa-suatu tempoh sa-bagaimana yang di-tetapkan menyatakan sebab² mengapa lesen itu tidak patut di-batalkan atau di-gantung mengikut mana yang berkenaan.

(2) Sa-saorang yang tidak puashati dengan perintah Ketua Pengarah di-bawah sekshen-kecil (1) boleh merayu kepada Menteri dalam sa-suatu tempoh sa-bagaimana yang di-tetapkan dan keputusan Menteri itu sama ada mengesah, mengubah atau membatalkan perintah Ketua Pengarah di-bawah sekshen-kecil ini ada-lah terakhir dan muktamad dan tidak boleh tertaklok kepada rayuan atau ulangkaji dalam mana² mahkamah.

Pemerek-
saan.

7. (1) Ketua Pengarah atau sa-siapa yang di-berikuasa oleh-nya boleh, pada bila² masa, melawat dan memereksa mana² hospital berlesen dan semua premis yang di-gunakan bagi maksud²-nya atau berhubung dengan-nya.

(2) Apabila Ketua Pengarah atau sa-saorang yang di-berikuasa oleh-nya menjalankan kuasa²-nya di-bawah sekshen ini, maka ada-lah menjadi kewajipan tiap² orang yang menjadi pegawai atau pekerja sa-suatu hospital berlesen—

(a) memberi kapada-nya segala maklumat yang menasabah yang di-kehendaki oleh-nya berkenaan dengan hospital itu atau pengurusan-nya atau apa² perkara yang berhubung dengan-nya;

(b) mengemukakan apa² suratan, buku, atau rekod dalam simpanan-nya atau di-bawah kawalan-nya berhubung dengan hal ehwal hospital itu, dengan syarat bahawa tiada apa² jua dalam sekshen ini boleh di-sifatkan sa-bagai memberikuasa kapada pegawai atau orang itu untuk memereksa sa-suatu rekod perubatan berhubung dengan sa-saorang pesakit dalam hospital persendirian.

(3) Sa-siapa yang enggan membenarkan sa-saorang pegawai atau sa-saorang yang tersebut dalam sekshen-kechil (1) masok atau memereksa sa-suatu premis itu atau memereksa sa-suatu rekod yang tersebut dalam sekshen-kechil (2) atau menghalang sa-saorang pegawai atau orang itu daripada menjalankan kuasa²-nya di-bawah sekshen ini ada-lah melakukan suatu kesalahan.

Rumah²
yang sedia
ada.

8. Sa-siapa yang mengurus, menyenggara atau menjalankan sa-suatu rumah bersalin atau sa-suatu rumah rawatan pada tarikh Akta ini mula berkuatkuasa hendak-lah, dalam tempoh satu tahun dari tarikh Akta ini mula berkuatkuasa, memohon kapada Ketua Pengarah mengikut borang yang di-tetapkan supaya suatu lesen yang sa-patut-nya di-keluar-kan di-bawah Akta ini.

Kuasa
menge-
chualikan
sa-tengah²
institusi.

9. (1) Menteri boleh mengechualikan sa-suatu hospital, rumah rawatan atau rumah bersalin persendirian dari kuatkuasa mana² atau semua peruntokan Akta ini.

(2) Pengechualian yang di-beri di-bawah sekshen ini boleh di-tarek balek pada bila² masa dan hendak-lah terhenti daripada berkuatkuasa apabila habis tempoh satu

tahun dari tarikh pengechualian itu di-beri, tetapi bagaimana pun, dengan tidak menyentoh kuasa Menteri memberi pengechualian sa-lanjut-nya.

(3) Sa-suatu keputusan Menteri di-bawah sekshen ini ada-lah terakhir dan muktamad dan tidak boleh tertaklok kapada rayuan atau ulangkaji dalam mana² mahkamah.

10. Sa-siapa yang melanggar mana² daripada peruntokan Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada satu ribu ringgit. **Penalti.**

11. Menteri boleh membuat apa² peratoran sa-bagaimana yang perlu atau mustahak untok melaksanakan peruntokan² Akta ini dengan sa-penoh-nya dan dengan tidak menghadkan keluasan makna peruntokan di-atas peratoran² itu boleh di-buat bagi semua atau mana² daripada maksud yang berikut— **Peratoran².**

- (a) menetapkan apa² jua yang hendak di-tetapkan atau yang boleh di-tetapkan di-bawah Akta ini;
- (b) mengator atau melarang orang² yang mengidap atau yang di-shaki mengidap sa-suatu penyakit berjangkit daripada di-terima masok ka-dalam hospital persendirian;
- (c) menetapkan borang, bayaran, rekod bagi maksud Akta ini;
- (d) menetapkan rekod yang di-kehendaki di-simpan mengenai pesakit² yang di-terima masok dan mengenai orang² yang di-ambil bekerja dalam hospital, rumah bersalin atau rumah rawatan persendirian dan, bagi sa-suatu rumah bersalin, mengenai apa² kegugoran atau anak² yang lahir mati di-rumah itu, dan mengenai kanak² yang lahir dalam-nya dan mengenai kanak² yang lahir demikian itu yang di-pindahkan dari rumah itu kapada jagaan dan peliharaan sa-siapa jua lain daripada jagaan dan peliharaan ibu-bapa, penjaga atau saudara mara-nya;
- (e) menghendaki supaya pemberitahu di-beri mengenai kelahiran atau kematian yang berlaku dalam hospital persendirian;
- (f) menghendaki supaya standad² minima mengenai tapak bangunan, binaan, tempat tinggal, kebersehan, bekalan ayer, penerangan, kakitangan dan kelengkapan tidak boleh sa-kali² kurang

daripada standad yang di-tetapkan oleh mana² undang²-kecil yang di-buat oleh Pehak-berkuasa Tempatan;

- (g) mengadakan kemudahan² memadamkan api;
- (h) mengadakan kemudahan² yang cukup untuk lepas lari sa-kira-nya berlaku kebakaran;
- (i) menetapkan supaya di-litup jalan² lepas lari dalam sa-suatu bangunan yang di-gunakan sa-bagai hospital persendirian;
- (j) mengator atau melarang daripada di-jalankan apa² kelas pembedahan tertentu dalam hospital bersalin persendirian.

Perke-
chualian.

12. Peruntokan² Akta ini tidak di-pakai bagi sa-suatu rumah bersalin atau rumah rawatan yang di-senggara atau di-kawal oleh Kerajaan atau bagi sa-suatu premis yang di-gunakan untuk melayan orang² sakit atau orang² yang hampir hendak mati, yang di-beri lesen di-bawah mana² undang² bertulis lain yang berkuatkuasa pada masa itu.

Peman-
sokhan.

13. Ordinan No. 69 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL (Sekshen 2)

(Penyakit² Berjangkit)

Demam antara
Radang selaput safar
Chachar ayer (varisela)
Ta'un
Diftiria
Demam denggi
Disenteri (ameba dan basilus)
Radang otak
Taifoid
Erisipelas
Penyakit untut
Makanan infeksi
Hepar infeksi
Kusta
Leptospirosis infeksi

Malaria**Demam champak (termasuk champak Rubela)****Mata bayi bernanah****Penyakit kulit bayi****Peleg (mangga atau paru-paru)****Penyakit poliomyelitis (penyakit polio)****Demam naifas****Rabis (penyakit anjing gila)****Demam bentan****Salmonella infeksi****Demam merah****Keguguran septik****Chachar nanah****Penyakit tetanus bayi****Trakoma****Tibi****Taifas (belukar dan bandar)****Demam andulan****Batok kokol****Puru****Demam kuning**

dan apa² penyakit lain yang di-ishtiharkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta* sa-bagai termasuk dalam perbahasaan tersebut itu.

HURAIAN

Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 69 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pendaftaran dan pemeriksaan hospital, rumah rawatan dan rumah bersalin persendirian dan berkenaan dengan maksud² yang berkaitan dengan-nya.

Rang Undang² ini sa-mata² bertujuan untuk memasukkan peruntukan² Ordinan Dharurat yang tersebut di-atas dalam suatu undang² yang kekal.

Fasal 3 mengadakan peruntukan supaya hospital persendirian di-lesen oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia. Ketua Pengarah Kesihatan ada-lah di-kehendaki di-bawah *Fasal 4* mengarahkan supaya suatu daftar di-simpan dan di-senggara mengenai semua hospital berlesen. Jenis² hospital yang boleh di-lesen di-bawah Akta itu ada di-nyatakan dalam *Fasal 5*.

Ketua Pengarah ada-lah di-berikuasa untuk membatalkan atau menggantung sa-suatu lesen yang di-keluarkan bagi sa-suatu hospital persendirian jika pada pendapat-nya hospital itu di-urus dengan chara yang mendatangkan mudharat kapada kepentingan awam atau berlawanan dengan peruntokan² Akta itu atau dengan mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya (*Fasal 6*). *Fasal 7* mengadakan peruntokan supaya mana² hospital berlesen di-pereksa oleh Ketua Pengarah atau mana² orang yang di-berikuasa oleh-nya.

Menteri ada-lah di-berikuasa untuk mengechualikan sa-tengah² institusi dari peruntokan² Akta itu (*Fasal 9*) dan untuk membuat peratoran² (*Fasal 11*).

Fasal 8 mengadakan peruntokan supaya rumah bersalin atau rumah rawatan yang sedia ada memperoleh lesen dalam tempoh satu tahun dari tarikh Akta itu mula berkuatkuasa.

[PN. (U²) 199.]

